

ILMU MAKKI DAN MADANI DAN KEPENTINGANNYA BAGI PENDAKWAH

Abdul Mukti Bin Baharudin¹, Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, Malaysia.

Corresponding Author: Abdul Mukti Bin Baharudin. Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Bangi, Selangor, Malaysia. Tel: (60) 0182905114. Email: abdulmukti@kuis.edu.my

ABSTRAK

Islam adalah agama dakwah. Setiap orang daripada penganutnya diperintahkan untuk menyampaikan ajarannya. Namun begitu, kesilapan langkah dan metode yang digunakan dalam menyampaikan Islam boleh membawa kepada tidak berminatnya mad'u atau terbinanya benteng pemisah di antara mad'u dan Islam. Maka, ilmu Makki dan Madani, salah satu cabang ilmu dalam Ulum al-Quran merupakan salah satu ilmu yang amat sesuai dipelajari oleh pendakwah-pendakwah dalam memahami metode dakwah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya perbezaan metode dakwah di antara Makki dan Madani yang amat sesuai diteliti dan dihadami dengan sebaiknya oleh para pendakwah agar gerak kerja dakwah mereka berjaya memberikan impak yang cukup mendalam kepada hati-hati mad'u.

Kata kunci: Metode, Makki, Madani, Pendakwah, Dakwah

(MAKKI AND MADANI SCIENCES AND ITS IMPORTANCE FOR ISLAMIC PREACHER)

ABSTRACT

Islam is a proselytizing religion. Every one of its adherents was instructed to deliver his message. However, the mistake in methods used in presenting Islam will make mad'u not interested and sometimes will construct the firewalls between mad'u and Islam. Therefore, the science of Makki and Madani, a branch of science in ulum al-Quran, is one of the great knowledge to be mastered by the Preachers in understanding da'wah's methods. The methodology used in this study is qualitative. The study found a difference between the preaching methods of Makki and Madani that should be understood and digested by the preacher to ensure the success of dakwah and then cause a good impact on their mad'u.

Keywords: Methods, Makki, Madani, Preacher, Dakwah

Received: December 3, 2015

Accepted: January 17, 2016

Online Published: December 30, 2016

1. Pengenalan

Ilmu *Makki* dan *Madani* merupakan salah satu daripada cabang ilmu dalam Ulum al-Quran. Ia merupakan ilmu yang membicarakan perihal ayat-ayat dan surah-surah yang dinisbahkan kepada negeri Mekah dan Madinah. Mempelajari ilmu *Makki* dan *Madani* ini mempunyai faedah dan manfaat yang tersendiri terutamanya kepada pendakwah yang ingin melaksanakan tugas menyampaikan ajaran Islam. Tajuk-tajuk utama perbincangan surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* serta uslub bahasa, keduanya amat membantu pendakwah dan gerak kerja dakwah kepada individu tertentu dan masyarakat awam. Muhammad Abdul Azim al-Zarqaniy (1996) menyatakan:

Di antara faedah mengetahui Makki dan Madani ialah mengetahui tarikh tasyri' dan peringkat-peringkat pensyariatannya secara umum, dan yang demikian itu membawa kepada kepercayaan dan keyakinan terhadap kehebatan politik Islam dalam mentarbiyyah masyarakat dan individu.

2. Metodologi Kajian

Bagi memenuhi tujuan kajian ini, penulis telah mengambil pendekatan metode kualitatif. Penyelidikan kualitatif lazimnya dipengaruhi oleh pendekatan teoretikal yang menjadi asas kepada kajian secara keseluruhan (Othman Lebar, 2009). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilakukan terhadap satu cabang daripada Ulum al-Quran, iaitu ilmu *Makki* dan *Madani* dan kepentingannya kepada pendakwah dan metode dakwah. Bagi penulisan kertas kerja ini, kajian ini lebih tertumpu kepada perbincangan ilmu *Makki* dan *Madani* oleh ulama-ulama Ulum al-Quran di dalam kitab-kitab mereka. Natijah daripadanya, dibincangkan pula kepentingan dan faedahnya pada gerak kerja dakwah dan pendakwah. Namun, topik ini juga boleh dibincangkan secara metode kuantitatif dalam kajian akan datang, dengan melihat kesan dan aplikasi dakwah melalui pendekatan *makki* dan *madani* secara lapangan di dalam masyarakat Malaysia pada hari ini secara khusus dan dunia secara amnya.

3. Pengertian Dakwah, Makki Dan Madani

3.1 Definisi Dakwah

Dakwah dari segi bahasa:

Perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab (دعا - يدعو - دعوة) yang bermaksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput sesuatu untuk merangsang kepada tujuan tertentu (Ibrahim Mustafa et al, 1972; Hans Wehr, 1974). Ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT Yusuf (12): 108:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلُ أَدْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari

segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."

Dakwah dari segi istilah:

Sebagaimana yang diketahui umum, dakwah merupakan kerja para rasul yang diutuskan oleh Allah SWT kepada umat dan kaum mereka. Tugas dakwah ini berterusan sehingga kepada rasul yang terakhir, Nabi Muhammad SAW. Menerusi gerak kerja dakwahlah umat Islam hari ini dapat mengecapi nikmat dan kemanisan iman dan Islam.

Daripada usaha dakwah yang dilakukan baginda s.a.w., lalu disambung oleh satu generasi ke generasi yang seterusnya, ulama-ulama telah mendefinisikan dakwah ini dengan beberapa definisi, di antaranya ialah:

Merangsang dan menyuruh manusia ke arah kebaikan dan petunjuk Allah SWT dan melarang melakukan kemungkaran supaya mereka berjaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat (Ali Mahfuz, 1979).

Satu program yang lengkap, di mana kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka (Muhammad al-Ghazali, 1981).

Dakwah kepada Allah SWT ialah usaha menyeru manusia kepada agamaNya, mengikuti hidayahNya, melaksanakan segala ketetapanNya di muka bumi ini, mengesakanNya pada segala bentuk ibadah, memohon pertolongan dan ketaatan, membebaskan diri daripada segala taghut yang ditaati selain Allah SWT, memberi hak kepada orang yang ditentukan haknya oleh Allah SWT serta menafikan hak yang dinafikan haknya oleh Allah SWT, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya (Yusuf al-Qaradawi, 1991).

Daripada beberapa pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa dakwah ialah usaha dan ikhtiar yang dilakukan untuk mengajak manusia ke arah jalan Allah SWT yang lurus dan diredhaiNya.

3.2 Definisi *Makki* dan *Madani*

Di dalam mendefinisikan *Makki* dan *Madani*, ulama telah bercanggah pendapat. Percanggahan ini timbul disebabkan oleh pandangan sisi yang berbeza dari segi melihat kepada masa, tempat dan orang yang ditujukan (dikhitabkan) ayat-ayat tersebut (Al-Zarqaniy, 1996; Manna' al-Qattan, 1998). Definisi-definisi tersebut ialah:

- i. Definisi *Makki* dan *Madani* dari segi masa diturunkan:
Makki ialah apa yang diturunkan sebelum hijrah, manakala *Madani* ialah apa yang diturunkan selepas hijrah samada ia diturunkan di Mekah atau di Madinah atau ketika musafir.
- ii. Definisi *Makki* dan *Madani* dari segi tempat diturunkan:
Makki ialah apa yang diturunkan di Mekah dan di sekitarnya seperti di Mina, 'Arafah dan Hudaibiyah, walaupun selepas daripada hijrah. Manakala *Madani* ialah apa yang diturunkan di Madinah dan di sekitarnya seperti Uhud dan Quba'.

- iii. Definisi *Makki* dan *Madani* dari segi orang yang ditujukan ayat-ayat tersebut (al-mukhatab):
Makki ialah apa yang ditujukan kepada orang-orang Mekah, manakala *Madani* ialah apa yang ditujukan kepada orang-orang Madinah.

Namun, daripada ketiga-tiga maksud di atas, pendapat yang paling rajih ialah pendapat pertama iaitu yang mendefinisikan *Makki* dan *Madani* menurut masa diturunkan. Ini kerana takrifan tersebut lebih luas dan lebih mudah untuk mengkategorikan ayat-ayat dan surah-surah yang diturunkan samada *Makki* atau *Madani*.

Manakala pendapat kedua dan ketiga agak sempit dan terdapat ayat-ayat atau surah-surah yang tidak dapat dikategorikan samada *Makki* atau *Madani* sekiranya merujuk kepada pendapat kedua atau ketiga. Contohnya, terdapat ayat-ayat yang diturunkan selain daripada di Mekah dan di Madinah serta sekitarnya. Maka akan timbul masalah dalam mengklasifikasikan ayat atau surah tersebut. Begitu juga terdapat dalam satu surah, *khitab* yang ditujukan kepada orang-orang Mekah dan kepada orang-orang Madinah serta ada surah yang langsung tidak ada *khitab* kepada orang-orang Mekah mahupun orang-orang Madinah. Maka surah-surah ini tidak dapat dikategorikan samada surah *Makki* atau surah *Madani*.

4. Metode Ulama Untuk Mengenali *Makki* Dan *Madani*

Bagi mengenali *Makki* dan *Madani*, para ulama telah menggunakan dua metode yang penting iaitu, metode melalui pendengaran yang diambil (diriwayatkan) daripada orang sebelumnya (المنهج السماعي النقلی) dan metode melalui kias secara ijtihad (المنهج القیاسی الاجتهادی) (Al-Zarkashy, 1957).

Metode melalui pendengaran yang diambil (diriwayatkan) daripada orang sebelumnya bermaksud ia bersandarkan kepada riwayat yang sahih daripada sahabat-sahabat r.a. atau tabi'in yang mengambil dan mendengar daripada sahabat-sahabat r.a. bagaimana turunnya al-Quran, tempat turunnya al-Quran dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sebalik penurunan al-Quran. Kebanyakan ayat-ayat atau surah-surah yang dikategorikan samada *Makki* atau *Madani* diketahui melalui metode ini. Namun perlu diingatkan bahawa tidak ada satu riwayat pun yang datang secara langsung dari Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa ayat-ayat atau surah-surah itu *Makki* atau *Madani*.

Manakala metode melalui kias secara ijtihad bermaksud bersandarkan kepada ciri-ciri yang terdapat pada *Makki* dan *Madani*. Seandainya terdapat pada sesuatu surah itu ciri-ciri *Makki*, maka ia dikira sebagai surah *Makkiyyah*. Dan seandainya terdapat pada sesuatu surah itu ciri-ciri *Madani*, maka ia dikira sebagai surah *Madaniyyah*. Manakala jika terdapat dalam surah *Makkiyyah* ayat yang mempunyai ciri-ciri *Madani* atau membicarakan peristiwa-peristiwa di Madinah, maka ia dikira sebagai ayat *Madaniyyah*. Begitulah juga sebaliknya.

Selain daripada itu, berlaku khilaf di kalangan ulama berkenaan pembahagian surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Imam Suyuti telah mendatangkan banyak pendapat ulama dalam menentukan surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Namun demikian, pendapat yang disepakati oleh ramai ulama ialah apa yang dinyatakan oleh Abu Hassan al-Hassar dalam kitabnya *an-Nasakh wa al-Mansukh*, iaitu terdapat 82 surah *Makkiyyah*, 20 surah *Madaniyyah* dan 12 surah yang khilaf samada *Makkiyyah* ataupun *Madaniyyah* (Al-Sayuti, 2000).

5. Ciri-Ciri Keistimewaan, Tajuk-Tajuk Dan Gaya Bahasa Surah-Surah *Makkiyyah* Dan *Madaniyyah*

Ulama-ulama telah meneliti dan menganalisis surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* bagi mengistimbatkan ciri-ciri keistimewaan serta perbezaan yang terdapat pada keduanya. Daripada penelitian tersebut, mereka telah membuat kesimpulan seperti mana berikut (Subhi Soleh, 2002; Al-Buty, tt; Al-Badawy, 1999):

5.1 Surah *Makkiyyah*

- i. Setiap surah yang mengandungi ayat sajadah kecuali surah ar-Ra'd dan al-Hajj. Khilaf di kalangan ulama tentang surah al-Ra'd, samada *Makkiyyah* ataupun *Madaniyyah*. Menurut pendapat yang rajih adalah surah *Makkiyyah*.
- ii. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz *كلا*. Lafaz ini diulang sebanyak 33 kali dalam 15 surah.
- iii. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz *أيها الناس* kecuali surah al-Hajj.
- iv. Setiap surah yang terdapat padanya lafaz sumpah dengan nama Allah SWT dan makhluk-makhlukNya kecuali dua ayat dari surah an-Nisa' dan al-Taghabun.
- v. Setiap surah yang dimulakan dengan huruf hijaiyyah kecuali al-Baqarah, Ali Imran dan al-Ra'd.
- vi. Setiap surah yang terdapat padanya kisah-kisah nabi-nabi dan umat-umat terdahulu, kecuali surah al-Baqarah.
- vii. Setiap surah yang terdapat padanya kisah nabi Adam AS dan iblis serta peristiwa dikeluarkan nabi Adam dan Hawa daripada syurga, kecuali surah al-Baqarah.
- viii. Surah-surahnya mengandungi ayat-ayat yang menyeru kepada ketauhidan dan menyembah Allah SWT, menyatakan tentang hari kiamat dan keadaannya, hari kebangkitan dan pembalasan, syurga dan nikmat-nikmatnya, neraka dan azab-azabnya serta perdebatan dengan golongan musyrikin.
- ix. Terdapat pada surah-surahnya asas-asas umum bagi hukum syarak, menyatakan tentang kelebihan akhlak yang mulia dan mengeji akhlak yang buruk seperti menumpahkan darah dan membunuh anak perempuan.
- x. Kebanyakan ayat-ayat dalam surahnya pendek dan ringkas, tetapi mendalam dan tegas maksudnya.

5.2 Surah *Madaniyyah*

- i. Setiap surah yang menyebut tentang jihad dan hukum-hakamnya.
- ii. Setiap surah yang menghuraikan berkenaan hukum-hukum syarak seperti kefarduan-kefarduan yang telah digariskan oleh Allah SWT.

- iii. Setiap surah yang terdapat padanya perdebatan dan penghujahan terhadap ahli kitab daripada golongan Yahudi dan Nasrani.
- iv. Setiap surah yang membicarakan berkenaan golongan munafikin kecuali surah al-Ankabut.
- v. Surah-surah yang menjelaskan berkenaan ibadah, muamalah, hudud, sistem kekeluargaan, harta pusaka, hubungan kemasyarakatan, hubungan antarabangsa ketika aman dan peperangan.
- vi. Surah-surah yang mengandungi ayat-ayat yang ditujukan khusus kepada ahli kitab.
- vii. Ayat-ayatnya panjang dan uslubnya memperteguhkan hukum syarak serta menjelaskan matlamatnya.

6. Kepentingan Mempelajari Ilmu *Makki* Dan *Madani*

Terdapat pelbagai kepentingan dan faedah dalam mempelajari ilmu *Makki* dan *Madani*. Di antaranya ialah untuk membezakan di antara nasikh (نسخ) dan mansukh (منسوخ). Seandainya terdapat dua ayat atau lebih yang membicarakan berkenaan satu perkara, kemudian didapati hukum pada satu ayat itu bercanggah pada hakikatnya dengan hukum pada ayat yang lain, maka pengetahuan berkenaan mana ayat *Makkiyyah* dan mana ayat *Madaniyyah* akan menyelesaikan permasalahan ini. Ayat *Madaniyyah* akan menjadi nasikh kepada ayat *Makkiyyah* kerana melihat kepada ayat *Madaniyyah* turun terkemudian daripada ayat *Makkiyyah*.

Selain itu, ia amat membantu dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran secara lebih terperinci. Ini kerana mengetahui tempat turun ayat akan membantu untuk memahami ayat tersebut dan menafsirkannya dengan tafsiran yang tepat dan jelas. Ilmu ini juga akan menimbulkan keyakinan terhadap al-Quran dan proses penerimaannya secara mutawatir kepada manusia dalam keadaan selamat daripada sebarang perubahan dan penambahan. Ini membuktikan bahawa umat Islam begitu mengambil berat tentang setiap ayat yang diturunkan kepada mereka samada sebelum hijrah atau selepas hijrah, di tempat mereka tinggal atau ketika musafir, waktu siang atau malam, musim sejuk atau musim panas, di bumi atau di langit dan sebagainya.

Dan yang terakhirnya, yang akan menjadi fokus perbincangan dalam kertas kerja ini ialah tarbiyyah dan pengajaran buat para pendakwah di jalan Allah SWT supaya mengikuti cara dan kaedah al-Quran dalam menyampaikan dakwah. Metode penekanan tauhid dan pemantapan akidah pada ayat-ayat *Makki* dan penjelasan hukum-hakam pada ayat-ayat *Madani* boleh menjadi panduan kepada mereka dalam menyampai ajaran Islam kepada masyarakat. Prioriti memberikan kefahaman akidah Ahli Sunnah wa Jamaah yang sebenarnya akan melahirkan modal insan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan. Ini kerana usul agama, iaitu akidah mempunyai hubungan yang amat rapat dengan syariat dan akhlak. Perkara ini dapat dilihat menerusi ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang mengaitkan iman dengan syariat dan akhlak.

7. Dakwah Dan Tuntutannya

Islam adalah agama dakwah. Tiada seorang rasul pun yang diutuskan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini melainkan dia dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan ajaranNya. Bahkan ulama-ulama akidah menetapkan salah satu sifat yang wajib bagi rasul ialah tabligh, iaitu menyampaikan. Di dalam al-Quran juga Allah SWT menjelaskan peranan utama rasul-rasul yang diutuskan, antaranya firman Allah SWT Al-An'am (6): 130:

يَمْعَشِرَ الْجَيْنَ وَالْإِنسِ أَلَمْ يَأْتِكُمْ رُسُلٌ مِّنكُمْ يَقُصُّونَ عَلَيْكُمْ آيَاتِي وَيُنذِرُونَكُمْ لِقَاءَ يَوْمِكُمْ هَذَا

﴿١٣٠﴾ ...

Maksudnya:

Wahai sekalian jin dan manusia! Bukankah telah datang kepada kamu rasul-rasul dari kalangan kamu sendiri, yang menyampaikan kepada kamu ayat-ayatKu (perintah-perintahKu), dan yang memberikan amaran kepada kamu tentang pertemuan kamu dengan hari (kiamat) ini? ...

Kerja dakwah ini tidak pernah terputus walaupun selepas kewafatan rasul yang terakhir, Nabi Muhammad s.a.w. Ia terus disambung oleh pewaris-pewarisnya, iaitu sahabat-sahabat RA, tabi'in, tabi' tabi'in sehinggalah generasi hari ini. Namun, ramai di kalangan umat Islam yang silap dalam memahami tuntutan dakwah. Mereka melihat bahawa melaksanakan kerja dakwah adalah tanggungjawab ustaz dan ustazah serta orang yang memiliki ilmu agama sahaja. Sedangkan menyampaikan perkara yang ma'ruf dan mencegah kemungkaran merupakan tanggungjawab semua. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW di dalam hadithnya:

بلغوا عني ولو آية

Sampaikan oleh mu daripadaku walau satu ayat sekali pun

(Sunan al-Tirmizi, *Bab Ma Ja a fil al-Hadith 'an Bani Israel*, No. Hadis 2593).

Di dalam hadith ini dapat kita simpulkan bahawa dakwah kepada Islam ini tidak terbatas dan terhad kepada golongan tertentu. Ghazali Darusalam menyatakan:

...dalam konteks dakwah Islamiah ini semua muslim berkewajipan menyampaikan dakwah seperti seorang ayah dapat berdakwah kepada anaknya, seorang suami dapat berdakwah kepada isterinya dan sebaliknya (Ghazali, 2001).

Oleh kerana itu, peranan dakwah perlulah sama-sama dipikul dan dilaksanakan oleh umat Islam. Cuma metode serta modus operandinya hendaklah difahami dengan sebaiknya agar dakwah Islamiah yang disampaikan itu mampu menarik minat mad'u (orang yang didakwah), bukan sebaliknya. *Fiqh al-waqi* (memahami situasi semasa) seperti tempat, masa dan latar belakang mad'u serta *fiqh al-aulawiyat* (memahami prioriti) amat penting untuk diketahui oleh dai'e supaya pemilihan maudu' (topik) dakwah yang akan disampaikan bertepatan dengan mad'u. Maka barulah dakwah yang disampaikan dianggap sebagai berhikmah dan bijaksana, bahkan dengan izin Allah SWT akan menghasilkan natijah yang diinginkan. Firman Allah SWT Al-Nahl (16): 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ... ﴿١٢٥﴾

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

8. Metode Dakwah Rasulullah SAW

Sememangnya sebaik-baik metode dakwah yang boleh dicontohi ialah metode dakwah yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Bahkan menerusi metode dakwah baginda SAW lah yang akan menyampaikan dai'e kepada tujuan dan matlamatnya. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab (33): 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ... ﴿١١﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik...

Muhammad Munir al-Ghatban (2002) menjelaskan dalam bukunya:

Uswah atau teladan yang baik ini akan semakin jelas kelihatan dalam amaliah Rasulullah s.a.w. Setiap yang menyimpang dari peringkat manhaj ini tidak akan sampai kepada tujuan dan matlamat. Banyak pengalaman yang dialami oleh sejumlah gerakan Islam telah membuktikan pengertian ini...

Apabila merujuk kepada kepada topik-topik dakwah yang diaplikasi oleh baginda SAW, jelas bahawa metode yang digunakan adalah menurut metode dakwah surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Sememangnya baginda SAW adalah seorang rasul utusan Allah SWT, maka pasti ia mengikut sebagaimana yang digaris dan diatur oleh Allah SWT.

Berdasarkan ciri-ciri keistimewaan, tajuk-tajuk dan gaya bahasa surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, dapat dikenalpasti beberapa metode dakwah surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, di antaranya ialah:

- i. Menekankan akidah yang sahih dalam surah-surah *Makkiyyah* dan hukum hakam dalam surah *Madaniyyah*.

Sebagaimana topik-topik utama di dalam surah-surah *Makiah* mengfokuskan kepada akidah, yakni beriman kepada Allah SWT, hari kiamat dan sebagainya, itulah juga topik-topik yang disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada penduduk-penduduk Mekah pada waktu itu. Baginda SAW menyeru mereka kepada mentauhidkan Allah SWT dan dalam masa yang sama menegah mereka daripada mensyirikNya dengan menyembah berhala yang dicipta oleh mereka. Mengejutkan mereka daripada kehidupan jahiliyyah yang teramat sesat, iaitu menyembah berhala dan patung-patung kepada menyembah Allah SWT yang menjadikan mereka serta menguasai dan mentadbir alam ini. Ia juga menjawab persoalan-persoalan yang timbul dalam kotak

pemikiran manusia normal yang tidak mampu dijawab oleh sesiapa pun, iaitu dari mana dia, apa tujuan kewujudannya dan ke mana dia. Perkara ini telah dinyatakan oleh Syed Qutb (1994) dalam kitabnya *Mu'alim fi al-Tariq*:

Ayat-ayat al-Quran zaman Mekah itu menyelesaikan suatu persoalan besar, suatu persoalan utama dan penting, satu persoalan asas bagi agama yang baru muncul itu, iaitu persoalan akidah, yang diterapkan di atas tapaknya yang terpenting ketuhanan dan pengabdian serta pertalian antara keduanya.... Persoalan yang dikemukakan oleh ayat-ayat al-Quran zaman Mekah itu ialah persoalan manusia yang tidak pernah berubah, kerana ia adalah persoalan wujudnya manusia itu di dalam alam ini dan juga persoalan kesudahan manusia itu. Persoalan sangkut pautnya manusia itu dengan alam dan dengan semua yang hidup di dunia ini, juga persoalan hubungan manusia itu dengan Tuhan Pencipta alam dan Pencipta seluruh kehidupan.

Bagi menjawab persoalan kesudahan manusia, ayat-ayat *Makiyyah* telah membicarakan tentang hari kiamat. Selain itu, perkhabaran tentang hari kiamat dan keadaannya, hari kebangkitan dan pembalasan, syurga dan nikmat-nikmatnya, neraka dan azab-azabnya adalah bertujuan untuk menarik minat golongan musyrikin supaya mengesakan Allah s.w.t. dan dalam masa yang sama menggerunkan mereka supaya meninggalkan akidah yang batil dan sesat.

Manakala di dalam surah-surah *Madaniyyah*, isu-isu yang difokuskan menjurus kepada hukum-hakam dan perdebatan dengan ahli kitab. Bahkan banyak hukum-hakam disyariatkan di Madinah. Ini sesuai dengan keadaan dan situasi di Madinah, kerana Daulah Islamiyyah dibina tatkala baginda s.a.w. berhijrah ke sana. Apabila akidah orang-orang yang beriman sudah dimantapkan di Mekah selama lebih kurang tiga belas tahun, maka mudah bagi mereka menerima dan melaksanakan hukum yang disyariatkan ke atas mereka.

Pendakwah yang ingin berdakwah perlu mengetahui keutamaan-keutamaan ini. Ia mestilah terlebih dahulu menjadikan penerapan dan pengukuhan akidah kepada sasaran dakwah sebagai agenda utama dakwah. Membetulkan kefahaman akidah yang batil, tidak sah dan ragu-ragu kepada akidah yang sebenarnya akan menatijahkan hasil yang baik, kerana ia adalah tunjang kepada kehidupan seseorang. Keimanan kepada Allah SWT dan lain-lainnya akan menjadikan seseorang itu patuh kepada segala perintahNya dan berakhlak dengan akhlak yang terpuji. Namun sebaliknya, jika seseorang didedahkan dengan perintah syariat tanpa kefahaman akidah yang jitu, ia akan membawa kepada keingkaran dan kecuaiian dalam melaksanakannya. Ini adalah kerana ia tidak mengenali dengan sebenarnya tuan empunya syariat. Bahkan amalannya itu tidak akan sampai kepada Allah s.w.t. Sebab itulah ulama-ulama telah menyatakan bahawa perkara yang awal yang perlu diketahui di dalam agama ialah mengenal Allah SWT.

Di dalam kitab dikatakan awalluddin makrifatullah (awal-awal agama ialah mengenal Allah SWT. Apabila seseorang itu tidak mengenal Allah SWT, segala amal baktinya tidak akan sampai kepada Allah s.w.t. Sedangkan segala perintah suruhan yang kita buat sama ada yang berbentuk fardhu mahupun sunat, dan segala perintah larangan yang kita jauhi sama ada yang berbentuk haram mahupun makruh, merupakan hadiah atau persembahan yang hendak kita berikan kepada Allah SWT. Kalau kita tidak mengenal Allah SWT maka segala hadiah itu tidak akan sampai kepadaNya (Salehuddin al-Jawiy, 2008).

- ii. Uslub(gaya) bahasa yang tinggi dalam surah *Makiyyah* dan uslub bahasa yang lebih mudah dalam surah *Madaniyyah*

Gaya bahasa ayat-ayat *Makiyyah* adalah tinggi, khususnya dari segi balaghah. Ini kerana Nabi Muhammad SAW berhadapan dengan orang-orang Arab Mekah yang memiliki kemahiran bahasa Arab. Maka Allah s.w.t. menurunkan ayat-ayat *Makiyyah* dengan uslub yang sesuai dengan masyarakat ketika itu. Bahkan mereka merasa kagum dan takjub dengan uslub al-Quran yang tinggi. Manakala ayat-ayat *Madaniyyah* lebih panjang, mudah dan berbentuk penerangan. Ini kerana ayat-ayat *Madaniyyah* lebih banyak membicarakan hukum hakam, maka ia datang dalam bentuk gaya bahasa yang mudah difahami.

Bagi pendakwah, mengetahui peringkat atau 'level' pendidikan dan keintelektualan sasaran dakwah adalah penting. Kesilapan menggunakan uslub yang tidak tepatakan menyebabkan dai' akan dipandang rendah, menghilangkan minat *mad'u* untuk mendengarnya atau mesej yang disampaikan tidak difahami oleh *mad'u*. Oleh kerana itu memahami *waqi'* semasa amat penting bagi seseorang pendakwah sebelum ia menyampaikan dakwahnya. Uslub bahasa masyarakat bandar serta berpendidikan tinggi adalah berbeza berbanding masyarakat kampung serta yang tidak berpendidikan. Begitu juga uslub bahasa untuk kanak-kanak, remaja, pemuda dan dewasa adalah berbeza. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA:

أمر أن نكلم الناس على قدر عقولهم

Kami diperintahkan supaya bercakap dengan manusia menurut kadar akal fikiran mereka.

(‘Alauddin ‘Ali bin Hisamuddin, *Kanzul al-‘Ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-Af’aal*, Bab *Fi Riwayat al-Hadith wa Adab al-Kitabah*, No. Hadis 29282)

Maka pendakwah perlulah bijaksana dalam memilih uslub bahasa yang sesuai. Ketepatan pemilihan ini akan mampu menarik minat dan menawan hati sasaran dakwah.

8. Kesimpulan

Ilmu *Makki* dan *Madani* merupakan salah satu cabang Ulum al-Quran. Walaupun pada satu sudut ia merupakan ilmu untuk mengenali ayat-ayat dan surah-surah *Makiyyah* serta *Madaniyyah*, namun pada satu sudut yang lain, ia merupakan ilmu yang amat bermanfaat buat pendakwah yang berada di medan dakwah. Memahami topik-topik perbincangan serta gaya bahasa keduanya amat membantu pendakwah untuk menyusun atur strategi dakwah sama ada kepada orang Islam atau bukan Islam. Ini merupakan antara faktor kejayaan sesuatu dakwah yang dilaksanakan kerana ia adalah metode yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW. Oleh itu, sewajarnya ilmu ini didedahkan dan seterusnya dihayati oleh para pendakwah di luar sana agar mereka akan mendapat hasil yang optimum apabila berada di medan dakwah.

Rujukan

Abdul Rahman bin Abu Bakar al-Sayuti. (2000). *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ahmad 'Abbas al-Badawy. (1999). *Aham Khasois al-Suwar wa al-Ayaat al-Makiyyah wa Maqasidiha*. Amman: Dar Ammar.
- Ali Mahfuz. (1979). *Hidayah al-Mursyidin ila Turuq al-Wa'zhi wa al-Khitobah*. Kaherah: Dar al-'Itisom.
- Ghazali Darusalam. (2001). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Hans Wehr. (1974). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. London: Macdonald & Evans LTD.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Ziyaat, Hamid Abdul Qadir dan Muhammad Ali al-Najjar. (1972). *Mu'jam al-Wasit*. Turki: Maktabah Islamiyyah.
- Manna' al-Qattan. (1998). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Munir al-Ghatban. (2002). *Manhaj Haraki Dalam Sirah Nabi s.a.w*. Kedah: Pustaka Darussalam Sdn Bhd.
- Muhammad Abdul Azim al-Zarqaniy. (1996). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Qutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad al-Ghazali. (1981). *Ma' Allah: Dirasaat fi al-Da'wah wa al-Dua'at*. Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-Islamy.
- Muhammad bin Abdullah al-Zarkashy. (1957). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buty. *Min Rawa'id al-Quran*. Damsyik: Maktabah al-Farabi.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Perak: Penerbit Universiti Penyelidikan Sultan Idris.
- Salehuddin al-Jawiy. (2008). *Sifat 20 Ilmu Tauhid Awaluddin Ma'rifatullah*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Subhi Soleh. (2002). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar Ulum lil Malayin.
- Syed Qutb. (1994). *Mu'alim fi al-Tariq* (Petunjuk Sepanjang Jalan). Kuala Lumpur: Crescent News Sdn Bhd.
- Yusuf al-Qaradhawi. (1991). *Thaqafah al-Da'iyah*. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Abdul Mukti Baharudin, berkelulusan sarjana dalam bidang Tafsir dari Universiti Terbuka Amerika, Kaherah Mesir. Beliau menerima ijazah sarjana muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah membentang pelbagai kertas kerja dan menulis banyak artikel dalam jurnal berwasit tentang ilmu Ulum al-Quran, dakwah dan tafsir. Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel: abdulmukti@kuis.edu.my.